

AI hanya alat bantu dalam bilik berita, wartawan penentu makna



Pensyarah Kanan di Jabatan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM)

Oleh Dr Megat Al Imran Yasin
bhrencana@bh.com.my

Kecerdasan buatan (AI) sudahpun 'menetap' di bilik berita, menyusup masuk melalui aplikasi transkrip, terjemahan automatik dan sistem cadangan tajuk, malah perisian penjana teks dan imej. Perubahan ini mula dirasakan bukan sahaja oleh organisasi besar, bahkan bilik berita lebih kecil dan portal dalam talian.

Di sebalik segala janji kecekapan dan penjaminan masa, satu soalan asas perlu diulang berkali-kali: apakah peranan AI dalam kewartawanan dan apakah batasannya? Soalan ini menjadi sangat relevan apabila negara meraikan Hari Wartawan Nasional (HAWANA), saat komuniti kewartawanan menilai semula makna amanah profesion dalam era digital serba pantas.

Di bilik berita, AI sedang digunakan untuk kerja yang dulu memakan masa dan tenaga. Rakaman sidang media panjang boleh ditukar kepada teks dalam beberapa minit. Dokumen setebal ratusan halaman boleh diringkaskan kepada beberapa perenggan utama. Laporan kewangan, data pilihan raya, statistik bencana - semuanya boleh diolah dengan bantuan algoritma untuk memudahkan wartawan mencari sudut berita signifikan.

Bagi media tanah air, kelebihan AI turut terserlah dalam konteks bahasa. Di negara menggunakan pelbagai bahasa, alat terjemahan dan ringkasan automatik berpotensi membantu dalam menyalurkan maklumat penting secara lebih meluas dan cepat, daripada bahasa Melayu ke bahasa lain dan sebaliknya. Ini boleh mempercepatkan aliran maklumat merentasi segmen khalayak berbeza.

Namun, semua ini tidak bermakna AI boleh menggantikan wartawan. Algoritma tidak memahami sensitiviti budaya, nuansa politik atau trauma sosial seperti manusia. Ia tidak berdepan sumber di lapangan, tidak menanggung risiko mengentengahkan kebenaran tidak disukai pihak tertentu, dan tidak memikul beban moral ketika memutuskan apa yang wajar disiarkan.

Di sinilah garis jelas perlu dilukis: AI sebagai alat bantu, wartawan sebagai penentu makna. Kecanggihan AI membawa risiko tidak kecil. Sistem generatif mampu menghasilkan teks yang kelihatan tersusun, tetapi memasukkan fakta salah atau tidak wujud. Imej dan video dihasilkan mesin semakin sukar dibezakan daripada rakaman sebenar. Jika bilik berita tergoda menggunakan bahan ini tanpa semakan ketat, kesilapan bukan sahaja memalukan, malah boleh menghakis kepercayaan dibina bertahun-tahun.

Kajian antarabangsa menunjukkan ramai pengguna berita berasa ragu terhadap laporan disediakan sepenuhnya oleh mesin, terutama dalam isu politik dan konflik identiti. Mereka bimbang bias tersembunyi dalam algoritma serta ketiadaan 'suara hati' manusia yang menimbang baik buruk sebelum menyiarkan sesuatu.

Dalam konteks Malaysia yang berbilang kaum dan agama, kebimbangan ini mempunyai implikasi besar. Satu laporan tersilap nada atau tersasar fakta boleh menyalakan perbalahan sukar dipadam. Oleh itu, kepercayaan mestilah menjadi kompas utama setiap kali teknologi baharu diperkenalkan. Kecekapan tanpa kepercayaan hanyalah ilusi kejayaan. Ia mungkin menjimatkan masa hari ini, tetapi membinasakan reputasi esok.

Antara cabaran utama ialah jurang kefahaman mengenai AI dalam kalangan warga bilik berita sendiri. Ada terlalu curiga hingga menolak semua

bentuk bantuan AI. Ada pula terlalu teruja, lalu menerima bulat-bulat apa sahaja output dijana mesin tanpa semakan rapi. Kedua-dua sikap melampau ini berisiko merugikan kewartawanan.

Di sinilah kepentingan latihan dan literasi AI. Wartawan perlu didedahkan kepada cara menggunakan AI secara kritikal: bagaimana menyemak semula maklumat dijana, mengesan 'halusinasi' fakta, meneliti sumber data digunakan dan mengendalikan hak cipta serta privasi apabila bahan digunakan mungkin hasil gabungan jutaan karya orang lain. Latihan sebegini tidak boleh dianggap pilihan, sebaliknya ia sudah menjadi kemahiran asas profesion.

Garis panduan jelas penggunaan AI

Pada masa sama, organisasi media memerlukan garis panduan dalaman jelas. Antara persoalan perlu dijawab pada peringkat dasar ialah jenis tugas apa boleh menggunakan AI dan pada tahap mana? Apakah batas penggunaan AI untuk penulisan draf berita, rencana atau tajuk? Bagaimana pengendalian petikan, imej dan suara dicipta atau diubah suai mesin? Siapa yang akhirnya bertanggungjawab jika berlaku kesilapan, mesin, pembangun atau editor?

Jawapan kepada soalan ini sepatutnya tidak diabaikan kepada budi bicara individu semata-mata. Bilik berita memerlukan dokumen polisi dirangka dengan teliti, dibincang terbuka dan disemak semula secara berkala mengikut perkembangan teknologi.

Dalam era khalayak semakin celik teknologi, ke-

“Teknologi sentiasa berubah, platform akan terus datang dan pergi, tetapi inti profesion - mencari kebenaran, melapor dengan adil dan mempertahankan kepentingan awam - tetap sama”

jujuran mengenai penggunaan AI menjadi sebahagian etika kewartawanan. Jika laporan berita, grafik data atau suara pembaca berita dihasilkan dengan bantuan AI, tidak ada salahnya untuk memaklumkan perkara itu kepada khalayak. Malah, keterbukaan sebegini boleh mengukuhkan keyakinan, selagi disertai jaminan setiap fakta tetap disemak manusia.

Sebaliknya, jika penggunaan AI disorok dan hanya terbongkar apabila berlaku kesilapan, rasa dikhianati akan jauh lebih besar. Pembaca bukan sekadar marah kerana fakta tersalah, tetapi kecewa kerana berasakan ada unsur penipuan. Dalam jangka panjang, hilang satu lapisan kepercayaan yang sangat sukar diperoleh semula.

Kejujuran juga meliputi pengakuan mengenai had AI. Media perlu menjelaskan teknologi ini walaupun canggih, tetap terdedah kepada bias dan kelemahan. Dengan cara itu, khalayak dapat menilai laporan dengan lebih sedar, bukannya menerima naratif 'AI sentiasa betul'.

Sempena HAWANA, ketika negara menghargai sumbangan wartawan yang berpuluh tahun memikul tugas menyaring maklumat untuk masyarakat, AI wajar dilihat sebagai ujian terhadap ketuhan amanah ini.

Teknologi sentiasa berubah, platform akan terus datang dan pergi, tetapi inti profesion - mencari kebenaran, melapor dengan adil dan mempertahankan kepentingan awam - tetap sama.

AI mampu mempercepat kerja, membuka akses kepada data yang dulu sukar dicapai dan membantu bilik berita bertahan dalam ekosistem digital sengit. Namun, hanya wartawan yang berprinsip mampu memastikan teknologi ini digunakan untuk menguatkan, bukan melemahkan fungsi sosial media.

Dengan kata lain, masa depan berita di negara ini tidak ditentukan sejauh mana AI mengambil alih kerja manusia, tetapi sejauh mana manusia menggunakan AI dengan bijaksana. Selagi wartawan memegang teguh amanah lama - kejujuran, ketepatan, keadilan - kehadiran algoritma di bilik berita hanyalah satu bab baharu dalam perjalanan panjang kewartawanan, bukan pengakhiran kepada profesion mulia ini.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH



Penerapan AI dalam pelaporan berita meningkatkan kecekapan penyampaian, namun setiap fakta perlu disemak manusia.

(Foto hiasan)